



*Kesesakan di Tambak Johor menjadi masalah utama bagi pengguna yang menyeberang antara Malaysia-Singapura setiap hari.*

# Fokus atasi kesesakan Tambak Johor, Linkedua

## > Singapura rancang perluas CIQ

Oleh Wan Faizal  
Ismayatin dan Irwan  
Shafrizan Ismail  
bhnews@bh.com.my

### Putrajaya

Isu kesesakan dihadapi setiap hari di pintu masuk Malaysia-Singapura menjadi keutamaan agar ia dapat ditangani dan seterusnya diselesaikan, kata Tun Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, ini kerana isu kesesakan lalu lintas di Tambak Johor dan Laluan Kedua Malaysia-Singapura (linkedua) menjadi masalah utama bagi pengguna yang menyeberang antara kedua-dua negara

setiap hari.

“Pada masa ini, kira-kira 250,000 hingga 300,000 orang menyeberang tambak setiap hari. Mengatasi kesesakan adalah keutamaan bagi Malaysia,” katanya pada sidang media bersama rakan sejawatannya dari Singapura, Lee Hsien Loong sempena Pemukiman Pemimpin Malaysia-Singapura Ke-9, di sini semalam.

### Rancang perluas CIQ

Sementara itu, Hsien Loong berkata, Singapura mempunyai perancangan bagi memperluas Kompleks Kastam, Imigresen dan Kuarantin (CIQ) negara itu dalam usaha mengurangkan kesesakan di Tambak Johor.

“Dr Mahathir menegaskan bahawa projek Sistem Transit Rapid (RTS menghubungkan jajaran Bukit Chagar, Johor ke Woodlands, Singapura) tidak akan menyelesaikan masalah bagi penunggang motosikal me-

Pada masa ini,  
kira-kira 250,000  
hingga 300,000  
orang  
menyeberang  
tambak setiap  
hari. Mengatasi  
kesesakan adalah  
keutamaan  
bagi Malaysia”

*Dr Mahathir Mohamad,  
Perdana Menteri*

lintasi sempadan Singapura-Malaysia.

“Oleh itu, ada keperluan untuk memperluas CIQ di kedua-dua belah pihak. Singapura mempunyai rancangan untuk memperluas CIQ kami di kedua-dua arah dan perkara ini akan mengambil sedikit masa, tetapi akhirnya kami akan membuat pelan penting untuk menyelesaikan masalah ini,” katanya.

### Isu sempadan maritim, ruang udara

Mengulas isu pertikaian sempadan maritim dan ruang udara, Hsien Loong berkata, isu itu boleh menjejaskan hubungan dua hala jangka panjang jika tidak ditangani dengan baik.

Beliau turut mencadangkan Malaysia menambah dua lagi landasan di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dalam usaha meningkatkan sektor pelancongan di kedua-dua negara.